

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, November 13, 2018 1:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Usia 69 Tahun Bukan Halangan Bekas Juruterbang Nuri Tamatkan Phd



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

13 NOVEMBER 2018 / 5 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain dan Mejar Nor Ibrahim Sulaiman (B)

USIA 69 TAHUN BUKAN HALANGAN BEKAS JURUTERBANG NURI TAMATKAN PHD



UUM ONLINE: Bergelar graduan pada usia 69 tahun bukan alasan bagi bekas juruterbang helikopter Nuri, Mejar Nor Ibrahim Sulaiman (B) untuk menggenggam segulung ijazah Doktor Falsafah (Sejarah).

Berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh empat tahun, beliau mendedikasikan tenaga dan sepenuh masanya dengan menyiapkan tesis bertajuk Sejarah Helikopter Sikorsky S61A-4 Nuri Dalam Era Indurgensi Di Semenanjung Malaysia 1968-1989.

Nor Ibrahim berkata, sebagai seorang pesara sepenuh masa, beliau tidak menghadapi sebarang masalah untuk menyiapkan tesis berkenaan dengan bantuan penyelia, Prof. Madya Dr. Rohani Ab Ghani.

“Keadaan saya tidak sama seperti mereka yang bekerja atau belajar sepenuh masa yang padat dengan komitmen dan kesibukan membahagikan masa untuk bekerja dan belajar.

“Jadual harian sepanjang empat tahun ini, saya hanya duduk di hadapan komputer menyiapkan tesis selepas bermain golf bersama rakan-rakan pada sebelah pagi,” katanya yang menerima ijazah PhD daripada Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada sesi pertama.

Tambahnya, walaupun sibuk menyiapkan tesis, beliau juga diberikan kesempatan menjadi perunding untuk pembikinan filem dokumentari *‘Helicopter Heroes’* untuk History Channel dan menerbitkan buku dalam bentuk *‘coffee-table’* bertajuk *‘Sikorsky S61A-4 Nuri: The Old But Faithful Iron Bird’*.

“Niat untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat tentang sejarah helikopter Nuri dan pada masa sama mengubah persepsi negatif tentang pesawat ini yang telah mendorong saya untuk menyambung pengajian di peringkat PhD.

“Mulanya saya diajak untuk mengambil PhD di Universiti Malaya, namun akhirnya saya membuat keputusan memilih UUM memandangkan lokasinya yang dekat dengan rumah dan juga prestasi cemerlang universiti ini.

“Bermula 2014, saya cabar diri sendiri untuk tidak mudah mengalah, selain berdisiplin dan gigih disertai usaha serta doa,” katanya lagi.

Menurutnya, dia bersyukur kerana pengajiannya dipermudahkan dengan mendapat bantuan dan sokongan isteri, Siti Roffini Mohd Yusof dan rakan-rakan yang banyak membantu.

Beliau ditauliahkan sebagai pegawai Tentera Darat Malaysia pada 1969, kemudian memasuki perkhidmatan di Tentera Udara Diraja Malaysia pada 1974 dan pernah menerbangkan helikopter Nuri selama 10 tahun mulai 1974.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.